

# Polis sedia siasat kes ugutan terhadap tauke stesen minyak

**KUALA LUMPUR** – Pemilik stesen minyak yang menerima ugutan daripada sindiket penye- ludupan diesel digesa membuat laporan polis supaya tindakan selanjutnya dapat diambil.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersedia menyiasat dakwaan itu dan akan mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat.

“Lesen yang dikeluarkan kepada pemilik stesen minyak di- kawal selia oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), manaka- la kuota dan subsidi diuruskan Kementerian Kewangan.

“Bila ada elemen ugutan ia bawah bidang kuasa polis. Kalau betul, pemilik perlu segera lapor polis baru ada tindakan di-ambil,” katanya ketika ditemui pada Karnival Pencegahan Jenayah kolaborasi PDRM dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di Flat Sri Sabah, di sini semalam.

Menurut beliau, bidang kuasa KPDN adalah membabitkan tin- dakan ke atas pemilik stesen minyak yang menjual barangan bersubsidi dalam jumlah yang besar dan tidak munasabah.



**KERATAN Kosmo! semalam.**



**SAIFUDDIN NASUTION**

Sementara itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Hu-

sain berkata, setakat ini, tiada laporan diterima pihaknya ber- hubung aduan pemilik stesen minyak diugut.

Pada 23 April lalu, Menteri KPDN, Datuk Armizan Mohd Ali mendedahkan bahawa ada pe- milik stesen minyak diugut oleh sindiket sekiranya tidak membe- narkan penjualan bahan api itu kepada pelanggan tetap.

Atas faktor keselamatan, ada sesetengah stesen minyak yang memilih untuk tidak membuat laporan kerana kluatir akan keselamatan diri mereka, pekerja dan premis masing-masing.